

Persisi tarik balik penggantungan Pasak 3

26 JUL 1988

PENGGANTUNGAN ke atas Perguruan Silat Gayung Pasak selama tiga tahun sejak September 1985, telah ditarik balik.

Ini telah dinyatakan oleh Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik Ibrahim Othman, dalam satu sidang akhbar di Persatuan Rakyat (PA), semalam.

Menurut presiden Persisi itu, keputusan tersebut telah dicapai dalam mesyuarat bulanan kedua jawatankuasanya yang baru dibentuk dalam Feb-

ruari tahun ini.

"Kami sebulat suara bersependapat bahawa kami perlu mengumpulkan semula semua perguruan silat yang ada bagi memperkembangkan lebih giat lagi seni silat setempat," kata Encik Ibrahim.

"Oleh demikian, berpegang kepada azam bagi kebaikan seni silat setempat, maka kami memutuskan untuk menarik balik penggantungan yang dibuat dalam September 1985 yang lalu," tambah beliau.

"Secara peribadi, saya tidak gemar melihat keadaan seumpama ini berlanjutan," kata Encik Ibrahim, yang juga Anggota Parlimen Tanah Merah.

Dalam mesyuarat agung Persisi Februari lalu, Encik Ibrahim, telah menggesa agar para anggota kerabat badan induk kegiatan silat setempat, bersatu padu dan menghapuskan perasaan iri hati demi masa depan silat negara.

"Tugas utama kita bukan untuk mendapatkan nama dan

memenuhi ego individu, tetapi meningkatkan taraf pencak silat di Singapura," kata beliau dalam mesyuarat agung yang berjalan dengan hebat, tetapi menarik itu.

Dengan penarikan penggantungan tersebut, pesilat-pesilat dari Gayung Pasak berkesempatan untuk menyertai semua Kejohanan Silat Nasional dan peringkat saringan telah pun bermula semalam.

Persisi telah mengenakan tindakan disiplin ke atas Ga-

yang Pasak ekoran dari pemulauan mereka ke atas upacara penyampaian hadiah pertandingan olahraga Pencak Silat Nasional, di Dewan Badminton Singapura tiga tahun yang lalu.

Sebagai langkah lanjut dan sebelum Persisi mengambil tindakan disiplin itu, Gayung Pasak memutuskan untuk mengundurkan diri daripada menjadi anggota kerabat Persisi dalam tahun yang sama. —

MOHD SANI ALI.